



**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk mengisi jawatan tersebut:

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Taraf Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara atau Pelantikan Secara Kontrak
Jadual Gaji	: Minimum – RM 8,650.00 Maksimum – RM 24,030.00 *Tertakluk kepada 3% kenaikan gaji SSPA
Tempoh Lantikan	:Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

KRITERIA PEMILIHAN

Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) secara umumnya mestilah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah bertaraf profesor, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwaspada antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod kecemerlangan pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area UPSI*

- a) Penyandang mestilah mempunyai hala tuju yang jelas untuk menjayakan visi dan misi UPSI serta menjadi pemimpin berperwatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global dengan acuan PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN.
- b) Penyandang mestilah berupaya mengamalkan, menghayati dan membudayakan enam (6) Nilai Bitara UPSI iaitu:
 - Berintegriti
 - Profesional
 - Semangat Berpasukan
 - Berorientasikan Pelanggan
 - Prihatin Kebajikan Anggota
 - Kreatif dan Inovatif

1. KRITERIA KHUSUS

Pertimbangan calon-calon Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) [TNC (A&A)] mengikut portfolio mestilah berdasarkan kriteria-kriteria khusus yang ditetapkan seperti berikut

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut;

i. Mempunyai kewibawaan yang tinggi dalam merancang pengambilan dan kenaikan pangkat staf akademik

Penyandang akan bertanggungjawab mempengerusikan Panel Penilai Universiti untuk pelantikan dan kenaikan pangkat staf akademik (Profesor Madya ke bawah). Oleh itu calon perlu mempamerkan kewibawaan yang tinggi khususnya dari segi kelayakan akademik atau kelayakan profesional dan boleh menjadi contoh sebagai tokoh staf akademik yang cemerlang serta mampu merancang pengambilan dan kenaikan pangkat staf akademik secara sistematik dan selaras dengan keperluan semasa.

ii. Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*)

Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam mereka bentuk kurikulum universiti.

iii. Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

Seorang calon yang dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasi Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*, serta lain-lain aspek PdP yang terkini.

iv. Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini

kerana sebagai Pengurus Jawatankuasa Pemilih bagi staf akademik, Penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras bagi kenaikan pangkat dan lantikan staf akademik. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

v. **Pengalaman Sebagai Penyelia yang Berjaya**

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

vi. **Hal Ehwal Antarabangsa**

Penyandang perlu mencipta peluang dan merancang program promosi bagi memperkenalkan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Penyandang harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

vii. **Adaptasi Teknologi**

Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UPSI ke arah kejayaan di zaman digital.

2. CARA MEMOHON

2.1 Calon yang berminat hendaklah memohon melalui permohonan atas talian dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut proses seperti berikut:

- i. Layari pautan berikut : <https://ilead.upsi.edu.my/>
- ii. Daftar sebagai pengguna akaun;
- iii. Lengkapkan maklumat yang diperlukan beserta lampiran yang bersesuaian;
- iv. Klik **SUBMIT**

2.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

En. Nazar Mohd Zahidi bin Mohd Azahar

Ketua

Bahagian Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

No. Tel: 05-450 6679/ 6613/ 6565

E-mel: governan@upsi.edu.my

2.3 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu bual.

2.4 Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 Jun 2025 (Isnin) jam 12.00 tengahari.**

